

# BULETIN PPj

EDISI BAHARU

KELUARAN - OGOS 2018



# Sidang REDAKSI

## KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

## EDITOR



Puan Haryani  
binti Kaulan



Cik Siti Nurul  
Azzua binti Tamjis

## URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran  
bin Ashaari



Puan Syalinda binti  
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi  
bin Rimin

## GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida  
binti Zainol

## PENULIS



Encik Khalilurrahman  
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah  
binti Jamaluddin



Encik Asmawi  
bin Ahmad



Encik Adi Khirman  
bin Marji



Encik Mohd Fairus  
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza  
binti Hanifah



Puan Nur Nisha  
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah  
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina  
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal  
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin  
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad  
Shurazi bin Sukhur

## ISI KANDUNGAN

- |  |   |
|--|---|
| 1. Putrajaya Hos Piala Dunia Sukan Touch remaja 2018                                   | 3 |
| 2. Menteri Wilayah Serah 3,000 Unit Jalur Gemilang kepada Persatuan Penduduk Putrajaya | 4 |
| 3. Akademi Pembangunan Bola Sepak dan Futsal Persatuan Bola Sepak Putrajaya            | 5 |

## PERTANYAAN

Sidang redaksi **Buletin Perbadanan Putrajaya** mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca.

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada [ppjonline@ppj.gov.my](mailto:ppjonline@ppj.gov.my)

Bahagian Komunikasi Korporat,  
Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



**putrajaya**



**putrajayacorp**



**perbadananputrajaya**



**perbadananputrajaya**




**+perbadananputrajaya**

# PUTRAJAYA HOS PIALA DUNIA SUKAN TOUCH REMAJA 2018

Pada 8 Ogos yang lalu, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan Piala Dunia Sukan Touch Remaja dengan kerjasama Federation of Touch (FIT) Malaysia di Taman Ekuestrian Putrajaya.

Acara selama 4 hari ini mempertandingkan sebanyak 150 perlawanan dan menampilkan seramai 28 pasukan atlet ramaja berumur 18 hingga 20 tahun dari 9 buah negara iaitu Australia, China, Hong Kong, India, New Zealand, Singapura, Afrika Selatan, Amerika Syarikat dan Malaysia. Kejohanan terbahagi kepada 6 kategori iaitu Mens 20, Womens 20, Mixed 20, Girls 18, Boys 18 dan Mixed 18. Malaysia akan diwakili oleh 2 pasukan.

Majlis pembukaan disempurnakan oleh Naib Presiden Kanan PPj, YBhg. Dato' Omairi Bin Hashim. Turut hadir Pengarah Urusan Fit Touch Malaysia, Mr. Bryan O'Connor, Presiden Federation of International Touch, Mr. Erick Acker dan Setiausaha Agung Federation of International Touch, Mr. Bill Kerr.



Putrajaya juga telah dipilih sebagai tuan rumah untuk menganjurkan Piala Dunia Touch 2019 buat pertama kalinya selepas kali terakhir diadakan di Australia pada tahun 2005 dan di New Zealand pada tahun 2001.



# MENTERI WILAYAH SERAH 3,000 UNIT JALUR GEMILANG KEPADA PERSATUAN PENDUDUK PUTRAJAYA

Sejumlah 3,000 unit Jalur Gemilang telah diserahkan kepada pengurus-pengerusi persatuan penduduk Putrajaya pada 18 Ogos 2018 yang lalu bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Presint 5, Putrajaya. Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh Menteri Wilayah, YB Tuan Hj. Khalid Abd. Samad. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah, YBhg. Datuk Seri Adnan Hj. Md Ikshan dan Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Dato' Omairi Hashim.

Majlis penyerahan ini dianjurkan bertujuan menyemarak sambutan Hari Kebangsaan tahun ini dan meningkatkan semangat patriotik serta cintakan negara dalam kalangan komuniti dan masyarakat Putrajaya dengan mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh perasaan bangga.

YB Menteri Wilayah telah menyerahkan Jalur Gemilang berkenaan kepada 12 Pengurus Persatuan Penduduk yang mewakili presint-



presint di Putrajaya. Majlis penyerahan ini adalah bertepatan dengan pemilihan Putrajaya sebagai lokasi penganjuran sambutan Hari Kebangsaan 2018 selepas 13 tahun tidak diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini.

Dalam majlis yang sama, PPj turut menganjurkan sesi Suai Kenal YB Menteri bersama Pengurus-Pengerusi Persatuan Penduduk Putrajaya. Pertemuan kali pertama ini dimanfaatkan dengan penyampaian amanat dan harapan YB Menteri kepada para pengurus persatuan.

Selain dari penyerahan kepada Persatuan-Persatuan Penduduk, PPj telah memasang 1,080 unit Jalur Gemilang di jalan-jalan protokol, bangunan kemudahan awam di bawah seliaan PPj seperti di premis makanan (medan selera), perumahan awam, kompleks-kompleks kejiranan dan pasar awam.





# AKADEMI PEMBANGUNAN BOLASEPAK DAN FUTSAL PERSATUAN BOLASEPAK PUTRAJAYA



## AKADEMI PEMBANGUNAN FUTSAL

- Yuran Pendaftaran RM100 diskalih RM10 untuk anak-anak Ahli Krisputra (RM90 sahaja)
- Yuran Bulanan RM80 diskalih RM10 untuk anak-anak Ahli Krisputra (RM70 sahaja)
- Peserta akan dapat :-
  - 2 helai baju
  - 1 helai seluar
  - 1 pasang stokin
- 2 sesi seminggu  
Jumaat (Jam 8.30 mlm - Jam 10.00 mlm)  
Sabtu (Jam 5.30 ptg - Jam 7.00 ptg)
- Gelanggang Futsal Presint 18

Sila Hubungi :  
Puan Ain - 012 351 6582



## AKADEMI PEMBANGUNAN BOLASEPAK

- Yuran Pendaftaran RM100 diskalih RM10 untuk anak-anak Ahli Krisputra (RM90 sahaja)
- Yuran Bulanan RM80 diskalih RM10 untuk anak-anak Ahli Krisputra (RM70 sahaja)
- Peserta akan dapat :-
  - 2 helai baju
  - 1 helai seluar
  - 1 pasang stokin
- Setiap hari Ahad Jam 8.35 pg - 10.45 pg
- Padang Sintetik Presint 8

Sila Hubungi :  
En. Zach - 016 385 4946  
Cik Zawani - 017 567 8795

KHAS KEPADA ANAK-ANAK  
AHLI KRISPUTRA  
PERBADANAN PUTRAJAYA